



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**  
**PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia keutamaan kepada Rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan sahaja, untuk mengisi kekosongan jawatan seperti di dalam iklan.

BIL.	JAWATAN	KLASIFIKASI	KUMPULAN	GRED	JADUAL GAJI (RM SEBULAN)
1	Penolong Jurutera (Mekanikal) (Kontrak)	Perkhidmatan Kejuruteraan	Pelaksana	JA29	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 1,751.00 - 5,121.00
2	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Kontrak)	Perubatan dan Kesihatan	Pelaksana	U29	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 1,312.00 - 5,173.00
3	Penolong Pegawai Pertanian (Kontrak)	Perkhidmatan Pertanian	Pelaksana	G27	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 1,363.00 - 5,094.00
4	Pemeriksa Kereta Motor (Kontrak)	Perkhidmatan Pengangkutan	Pelaksana	A17	Gaji Minimum - Gaji Maksimum 938.00 - 3,406.00

1. JAWATAN : **PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED JA29**  
[ KONTRAK ] - 1 Kekosongan

SYARAT LANTIKAN 1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Diploma dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [ **Gaji permulaan : RM1,826.02** ]

DAN

- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja kejuruteraan mekanikal seperti membaik pulih enjin bagi semua jenis kenderaan berat dan ringan, menentukan kualiti alat ganti, membuat anggaran kerja, memperaku pelupusan terhadap kenderaan atau peralatan mekanikal yang tidak ekonomik dan menyelia pelaksanaan kerja penyelenggaraan kenderaan di bengkel.

2 JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29**  
[ KONTRAK ] - 3 Kekosongan (LELAKI SAHAJA)

SYARAT LANTIKAN 2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,687.59 ]**

DAN

- (b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

1. Pentadbiran
  - i. Menyelia dan menghantar laporan-laporan mengenai aktiviti yang dijalankan seperti pemeriksaan, penyiasatan, tindakan yang diambil dan pengawasan.
  - ii. Menyelia dan melatih kakitangan di bawah jagaannya.
2. Menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan undang-undang kecil di bawah Ordinan dan Enakmen yang berkaitan dengan kesihatan awam.
3. Menyiasat dan menyediakan laporan ke atas semua kes penyakit berjangkit.
4. Memeriksa dan mengawas bahan-bahan makanan di premis-premis makanan seperti restoran, kilang, rumah sembelih dan pasar.
5. Mengawasi kebersihan alam sekitar.
6. Menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan umum seperti ceramah kepada Institusi Kerajaan dan Swasta Badan-Badan Sukarela.

3. JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G27**  
[ KONTRAK ] - 1 Kekosongan

SYARAT LANTIKAN 2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,738.86 ]**

DAN

- (b) Keujian dalam subjek Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

2.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pertanian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**Deskripsi Tugas:**

Bertanggungjawab dalam penyelenggaraan pokok-pokok di kawasan landskap dan nurseri, membantu Arkitek Landskap menyediakan pelan taman, membantu merancang dan membangunkan tapak samaian Majlis serta memastikan inventori pokok dikemaskini.

4. JAWATAN : **PEMERIKSA KERETA MOTOR GRED A17**  
[ KONTRAK ] - 2 Kekosongan

SYARAT LANTIKAN 2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai mekanik semua jenis kereta motor di jabatan-jabatan kerajaan atau firma-firma motor ternama;  
**[ Gaji permulaan : RM938.00 ]** atau
  - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Mekanik atau Pemasang Sistem Gas Asli Kenderaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM995.39 ]** atau
  - (v) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Mekanik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,053.51 ]** atau
  - (vi) Sijil dalam bidang kejuruteraan jentera daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**[ Gaji permulaan : RM1,402.21. ]**
- DAN
- (b) (i) Mempunyai Lesen Memandu Kelas B dan D yang sah dan bersih serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki kedua-dua lesen tersebut selama tidak kurang daripada 1 tahun;
  - (ii) Lulus Bahasa Melayu ( termasuk Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan Majlis termasuk penggunaan alat ganti dan peralatan di stor kenderaan.

## **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang MPM 1** yang boleh dimuat turun dari portal **internet** sahaja dengan melayari [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my), Majlis Perbandaran Manjung
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi mestilah disertakan dengan **salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil yang berkaitan dan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan serta sekeping gambar terbaru berukuran pasport.**
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 33sm x 23sm. Disudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- (d) Pemohon rakyat Negeri Perak yang lahir di luar Perak sila kemukakan salinan kad pengenalan bapa yang telah disahkan.
- (e) Permohonan **AKAN DITOLAK** sekiranya;
- tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
  - tidak lengkap atau tidak terang;
  - tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - tidak ditulis Nombor Kad Pengenalan;
  - tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat;
  - tidak ditandatangani;

## **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN**

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

(melalui pos)

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
JALAN PINANG RAJA  
32040 SERI MANJUNG  
PERAK DARUL RIDZUAN**

atau

(serahan tangan)

**KAUNTER 1SERVE (TINGKAT BAWAH)  
BANGUNAN BLOK B  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
32040 SERI MANJUNG  
PERAK DARUL RIDZUAN**

Sebelum atau pada : **24 FEBRUARI 2016 (RABU) JAM 12.00 TENGAHARI**

## **CATATAN AM**

- (a) Calon-calon hendaklah menggunakan borang MPM 1 yang ditetapkan.
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

<b>SENARAI SEMAK PEMOHON</b>			
<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
<b>1</b>	<b>Borang Permohonan Jawatan</b>		
<b>2</b>	<b>Gambar (Ukuran Pasport)</b>		
<b>3</b>	<b>Salinan Kad Pengenalan &amp; Sijil Kelahiran</b>		
<b>4</b>	<b>Salinan Sijil / STPM / SPM / PMR (yang berkenaan)</b>		
<b>5</b>	<b>Salinan Sijil Berhenti Sekolah</b>		



❖ **SALINAN DOKUMEN DAN SIJIL HENDAKLAH DISAHKAN.**